

# 'Fail bukti baharu disifatkan usaha kes dibicara semula'

BH - 8/12/2021 m/s: 8

## Pendakwaan berhujah Najib mungkin mahu panggil lebih ramai saksi

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Putrajaya:** Tindakan Datuk Seri Najib Razak memfailkan permohonan untuk memasukkan bukti baharu dalam rayuannya disifatkan oleh pihak pendakwaan, sebagai usaha supaya kes itu dibicarakan kembali.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram, dalam penghujahannya, berkata permohonan Najib itu sebenarnya bertujuan supaya kesnya dibicarakan kembali di Mahkamah Tinggi yang digunakan sebagai samaran kononnya untuk memasukkan bukti baharu.

"Permohonan mereka bukan untuk memasukkan bukti baha-

ru, tetapi dibicarakan semula kes ini. Kami tidak tahu berapa ramai saksi akan dipanggil berdasarkan affidavit perayu.

"Ini adalah ekspedisi untuk 'memancing' bukti tambahan," katanya sambil menegaskan bukti itu tidak relevan kepada kes rayuan berkenaan.

Sithambaram berkata, dakwaan aliran dana seperti yang terkandung dalam affidavit sokongan Najib berlaku di antara 2008 dan 2009, manakala tujuh tuduhan SRC yang disabitkan ke atas Najib didakwa berlaku antara 2011 dan 2015.

Bagaimanapun, peguam bela, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berhujah, bukti baharu itu relevan kerana ia menunjukkan keupayaan Bank Negara Malaysia (BNM) ketika itu untuk memberi amaran kepada Najib berhubung salah laku dikaitkan dana RM42 juta itu.

Beliau berkata, bukti itu akan menunjukkan keluarga bekas

Gabenor BNM, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, menerima wang yang dikaitkan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada ahli perniagaan dalam bujukan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Muhammad Shafee berkata, ia seterusnya menjejaskan kepercayaan Zeti memberikan amaran kepada Najib.

"Zeti berada dalam kedudukan untuk menekan bukti 1MDB, mengapa beliau harus mendedahkan Jho Low? Oleh itu beliau akan menekan bukti berhubung aktiviti membabitkan le-

laki itu.

"Zeti dan keluarganya mengenali Jho Low dan mereka dirisau oleh lelaki itu sejak 2018," katanya.

Sementara itu, pada awal prosiding pagi semalam, Mahkamah Rayuan memberi pilihan kepada Najib dan peguamnya untuk hadir prosiding secara maya atau berdepan wang jaminan dibatal-

kan dan beliau dikenakan waran tangkap.

Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil yang mempengerusikan panel tiga hakim Mahkamah Rayuan mengeluarkan perintah itu selepas peguam bela, Harvinder Singh Sidhu, memohon prosiding semalam ditangguhkan kerana peguam bela disahkan positif COVID-19, manakala yang lain menjadi kontak kasual.

"Mahkamah beri dua pilihan. Yang pertama, mahkamah boleh batalkan jaminan dan beri tunjuk kepada penjamin dan penjamin kena beri sebab kenapa wang jamin tidak boleh dilucut hak.

"Disebabkan jaminan batal, kami akan keluarkan waran tangkap dan Datuk Seri Najib akan ditangkap serta merta serta dibawa terus ke mahkamah," katanya.

Sementara itu, Abdul Karim berkata, mahkamah tidak berpuas hati kerana Najib tidak menunjukkan minat untuk hadir pada prosiding itu, sedangkan beliau hanya kontak kasual melalui Muhammad Shafee dan bukannya peguam yang

positif COVID-19.

"Ini mahkamah undang-undang, bukan air liur. Kami mahukan bukti.

"Kami mahu bukti, kontak rapat ada dua kategori iaitu bergejala dan tidak bergejala, apa yang penting adalah hadir prosiding," katanya.

Abdul Karim berkata, semua pihak perlu menghormati dan mengikut masa yang diberikan oleh mahkamah.

Hakim itu turut memberi amaran kepada penjamin Najib kerana gagal memastikan kehadirannya di mahkamah.

"Mana Datuk Seri Najib? Mana Datuk Seri Najib? Tanggungjawab sebagai penjamin ini berat, kena tentukan orang yang dijamin hadir apabila diperlukan hadir. Ada ambil tahu kenapa Datuk Seri Najib tak hadir? Sebagai penjamin kena ambil tahu.

"Mana Datuk Seri Najib? Pavillion? Pavillion tu rumah dia? Awak telefon dia tanya ke atau awak 'tembak' sahaja? Jangan main tembak, main agak sahaja, ini mahkamah bukan kedai kopi," tegasnya.



Najib Razak